

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : TINDAKAN TERHADAP KILANG-KILANG HARAM

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kilang haram yang telah diputuskan bekalan elektrik di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang?
- b) Berapakah jumlah pendakwaan yang telah dibuat oleh pihak Majlis Perbandaran Klang terhadap kilang-kilang haram tersebut?

JAWAPAN:

- a) Sehingga bulan Jun 2020, jumlah kilang haram yang telah diputuskan bekalan elektrik di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang adalah sebanyak 47 buah kilang. Kesemua kilang tersebut adalah Skrap Plastik.
- b) Pihak Majlis telah membuat satu pendakwaan ke atas kilang Opes Recycling Sdn. Bhd. memandangkan terdapat isu berkaitan pencemaran alam sekitar. Walaubagaimanapun, lain-lain kilang tidak dibuat pendakwaan memandangkan kilang-kilang tersebut telah tutup operasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : KAD PEDULI SIHAT

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah yang telah lulus dalam program Kad Peduli Sihat mengikut DUN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : KESALAHAN HUTAN

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kes kesalahan hutan yang telah berjaya dikesan oleh JPNS melibatkan kesalahan pencerobohan hutan dan penebangan pokok secara haram.
- b) Apakah mekanisme pihak berwajib dalam mengenakan tindakan undang-undang kepada pesalah yang sukar dikesan ketika melakukan kesalahan hutan seperti pembakaran terbuka

JAWAPAN:

Maklumat Kes Pencerobohan Hutan dan Penebangan Pokok Secara Haram dari Tahun 2018 - 2020 (Sehingga Jun 2020).

1. Daripada tahun 2018 hingga 2020, sebanyak 52 kes pencerobohan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan penebangan pokok secara haram telah dikesan dan direkodkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS). Daripada 52 kes tersebut, sebanyak 2 kes telah dihadapkan di mahkamah dan telah dikenakan denda dan penjara, 6 kes telah diselesaikan dengan cara kompaun, 16 kes tiada tindakan lanjut (NFA) dan 28 kes masih dalam siasatan lanjut. Sebanyak 29 kes telah direkodkan berlaku di dalam Daerah Hutan Pantai Klang, 16 kes di Daerah Hutan Selangor Tengah dan 7 kes di Daerah Hutan Hulu Selangor. Daripada 52 kes yang dilaporkan ini melibatkan sejumlah 49 orang yang telah ditangkap kerana didapati melakukan aktiviti pencerobohan di dalam HSK dan penebangan pokok secara haram. Jumlah keseluruhan kompaun dan denda yang berjaya dikutip sepanjang tahun 2018 – 2018 adalah sebanyak RM 105,000.00.

Berikut merupakan pecahan jumlah kes pencerobohan hutan dan penebangan pokok secara haram mengikut tahun adalah seperti berikut :

a) Pada tahun 2018, terdapat 23 kes pencerobohan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan penebangan pokok secara haram telah dikesan berlaku di negeri Selangor. Daripada 23 kes tersebut, 2 kes telah dituduh di mahkamah dan dikenakan denda dan penjara, 4 kes berjaya diselesaikan dengan cara mengenakan kompaun kepada pesalah, 6 kes tiada tindakan diambil (NFA) dan 11 kes masih dalam siasatan. Seramai 25 orang telah ditangkap kerana melakukan pencerobohan di dalam hutan simpanan kekal. Jumlah keseluruhan denda dan kompaun yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM 48,000.00. Berikut merupakan rekod kes pencerobohan hutan dan penebangan pokok secara haram pada tahun 2018 seperti Jadual 1 :

JADUAL 1: KES KESALAHAN HUTAN BERKAITAN PENCEROBOHAN HUTAN DAN PENEANGAN POKOK SECARA HARAM BAGI TAHUN 2018

| BIL. | TARIKH | LOKASI | BIL OKT | KESALAHAN | DAERAH HUTAN | KEPUTUSAN |
|------|------------|---------------------------------|---------|---|---------------|---|
| 1. | 16/01/2018 | Kompt. 25, Hutan Simpan Gading | 1 | Sek.81(1)(b) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Hulu Selangor | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 2. | 28/02/2018 | Pulau Carey, Pelabuhan Klang | 1 | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Mahkamah Klang : - Penjara 6 Bulan |
| 3. | 3/6/2018 | Pulau Indah, Pelabuhan Klang | 3 | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Mahkamah Klang : - Denda RM 23,000.00 |
| 4. | 27/2/2018 | Hutan Simpan Kuala Langat Utara | Tiada | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 5. | 23/2/2018 | Hutan Simpan Kuala Langat Utara | Tiada | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |

| BIL. | TARIKH | LOKASI | BIL OKT | KESALAHAN | DAERAH HUTAN | KEPUTUSAN |
|------|------------|---|---------|--|-----------------|--|
| 6. | 27/04/2018 | Tanah Kerajaan Kapar | 1 | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Kompaun RM1,000.00 |
| 7. | 30/05/2018 | Kompt.57 Hutan Simpan Telok Gedong | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang individu semasa serbuan dijalankan. |
| 8. | 22/06/2018 | Hutan Simpan Hulu Gombak | 2 | Sek.83 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Kompaun RM7,000.00 |
| 9. | 25/04/2018 | Hutan Simpan Kuala Langat Selatan | 1 | Sek. 81(1)(g) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 10. | 16/7/2018 | Kompt 7 Hutan Simpan Kuala Langat Utara | 5 | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Kompaun RM10,000.00 |
| 11. | 19/01/2018 | Hutan Simpan Sungai Buloh dan Hutan Simpan Kota Damansara | 1 | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 12. | 5/7/2018 | Hutan Simpan Sungai Buloh | Tiada | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 13. | 1/9/2018 | Kompt 14 Hutan Simpan | 1 | Sek. 81(1)(g) Enakmen (Pemakaian) | Hulu Selangor | NFA oleh kerana status kawasan kes adalah diluar Hutan |

| | | | | | | |
|--|--|----------------|--|----------|--|-----------------------|
| | | Bukit Cherakah | | APN 1985 | | Simpanan kekal (HSK). |
|--|--|----------------|--|----------|--|-----------------------|

| BIL. | TARIKH | LOKASI | BIL OKT | KESALAHAN | DAERAH HUTAN | KEPUTUSAN |
|------|------------|--|---------|--|-----------------|--|
| 14. | 23/7/2018 | Hutan Simpan Hulu Gombak | Tiada | Sek.83 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 15. | 28/7/2018 | Hutan Simpan Templer | 1 | Sek.82 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Hulu Selangor | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 16. | 05/09/2018 | Kompt. 7 Hutan Simpan Kuala Langat Utara | 4 | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 17. | 20/9/2018 | Hutan Simpan Hulu Gombak | Tiada | Sek.83 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 18. | 29/11/2018 | Ladang West Sime Darby, Pulau Carey | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang individu semasa serbuan dijalankan. |
| 19. | 26/06/2018 | Hutan Simpan Hulu Gombak | 2 | Sek.83 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Kompaun RM7,000.00 |
| 20. | 17/12/2018 | Jalan Masuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM Sungai Batangsi, Hulu Langat | 1 | Sek. 81(1)(g) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | NFA oleh kerana status kawasan adalah diluar Hutan Simpanan Kekal. |

| | | | | | | |
|-----|------------|--|-------|--|-----------------|---|
| 21. | 18/12/2018 | Kompt.57 Hutan Simpan Telok Gedong | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang individu semasa serbuan dijalankan. |
|-----|------------|--|-------|--|-----------------|---|

| | | | | | | |
|-----|------------|------------------------------------|-------|--|--------------------|--|
| 22. | 27/12/2018 | Hutan Simpan Banjar Utara | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang individu semasa serbuan dijalankan |
| 23. | 13/12/2018 | Hutan Simpan Hulu Gombak | 1 | Sek.83 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |

b) Pada tahun 2019, terdapat 20 kes pencerobohan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan penebangan pokok secara haram telah dikesan berlaku di negeri Selangor. Daripada 20 kes tersebut, 2 kes berjaya diselesaikan dengan cara mengenakan kompaun kepada pesalah, 10 kes tiada tindakan diambil (NFA) dan 8 kes masih dalam siasatan. Seramai 12 orang telah ditangkap kerana melakukan pencerobohan di dalam hutan simpanan kekal. Jumlah kompaun yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM 57,000.00. Berikut merupakan rekod kes pencerobohan hutan dan penebangan pokok secara haram pada tahun 2019 seperti Jadual 2 :

**JADUAL 2: KES KESALAHAN HUTAN BERKAITAN
PENCEROBOHAN HUTAN DAN PENEANGAN
POKOK SECARA HARAM BAGI TAHUN 2019**

| BIL. | TARIKH | LOKASI | BIL OKT | KESALAHAN | DAERAH HUTAN | KEPUTUSAN |
|------|----------|-----------------------------|------------|--------------------------------------|-----------------|--|
| 1. | 9/1/2019 | Kompt.57 Hutan Simpan | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang |

| | | | | | | |
|----|-----------|----------------------------|-------|---|--------------|---|
| | | Telok Gedong | | APN 1985 | | individu semasa serbuan dijalankan. |
| 2. | 18/1/2019 | Labuhan Gurap, Pulau Indah | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang individu semasa serbuan dijalankan |
| 3. | 8/1/2019 | Labuhan Gurap, Pulau Indah | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang individu semasa serbuan dijalankan |
| 4. | 1/2/2019 | Labuhan Gurap, Pulau Indah | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang individu semasa serbuan dijalankan |

| | | | | | | |
|----|-----------|--|-------|---|--------------|---|
| 5. | 8/2/2019 | Kompt.58 Hutan Simpan Telok Gedong | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang individu semasa serbuan dijalankan |
| 6. | 9/2/2019 | Kompt.58 Hutan Simpan Telok Gedong | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang individu semasa serbuan dijalankan |
| 7. | 19/3/2019 | Kompt. 48, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan | Tiada | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 8. | 21/3/2019 | Kompt. 55, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan | 3 | Sek.82 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Dalam Tindakan Penyediaan Kertas Siasatan Untuk Pertuduhan Di Mahkamah |

| | | | | | | |
|-----|-----------|---|-------|---|--------------------|--|
| 9. | 9/4/2019 | Kompt 32, Hutan Simpan Bukit Cherakah | 1 | Sek. 81(1)(b) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Kompaun RM50,000.00 |
| 10. | 18/5/2019 | Kompt. 10, Hutan Simpan Bukit Lagong | 1 | Sek. 81(1)(e) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 11. | 6/5/2019 | Kompt.56 Hutan Simpan Telok Gedong | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang individu semasa serbuan dijalankan |
| 12. | 8/5/2019 | Kompt.11, Hutan Simpan Batang Kali | 1 | Sek. 81(1)(b) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Hulu Selangor | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |

| BIL. | TARIKH | LOKASI | BIL OKT | KESALAHAN | DAERAH HUTAN | KEPUTUSAN |
|-------------|---------------|---|--------------------|---|-------------------------|--|
| 13. | 8/5/2019 | Kompt.1, Hutan Simpan Hulu Selangor | 2 | Sek. 81(1)(b) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Hulu Selangor | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 14. | 18/6/2019 | Hutan Simpan Banjar Utara | 1 | Sek. 81(1)(e) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 15. | 5/8/2019 | Hutan Simpan Ayer Hitam | 1 | Sek. 81(1)(e) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Kompaun RM7,000.00 |
| 16. | 17/6/2019 | Kompt.47, Hutan Simpan Batang | 1 | Sek. 81(1)(b) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Hulu Selangor | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |

| | | | | | | |
|-----|------------|------------------------------------|-------|---|---------------|---|
| | | Kali | | | | |
| 17. | 4/4/2019 | Kompt.57 Hutan Simpan Telok Gedong | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang individu semasa serbuan dijalankan |
| 18. | 18/10/2019 | Kompt.57 Hutan Simpan Telok Gedong | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang individu semasa serbuan dijalankan |
| 19. | 30/9/2019 | Tanah Kerajaan Sementa, Kapar | Tiada | Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | NFA oleh kerana tiada ditemui sebarang individu semasa serbuan dijalankan |
| 20. | 18/12/2019 | Komp. 63, Hutan Simpan Bukit Kutu | 1 | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Hulu Selangor | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |

c) Pada tahun 2020, terdapat sembilan (9) kes pencerobohan Hutan Simpanan Kekal (HSK) telah dikesan berlaku di negeri Selangor. Kesemua kes tersebut masih dalam siasatan lanjut dan seramai dua belas (12) orang telah ditangkap kerana melakukan pencerobohan di dalam kawasan HSK. Berikut merupakan rekod kes pencerobohan hutan pada tahun 2020 seperti Jadual 3 :

**JADUAL 3: KES KESALAHAN HUTAN BERKAITAN
PENCEROBOHAN HUTAN DAN PENEBOHONGAN
POKOK BAGI TAHUN 2020**

| BIL. | TARIKH | LOKASI | BIL OKT | KESALAHAN | DAERAH HUTAN | KEPUTUSAN |
|------|----------|----------------------------|---------|---|-----------------|---|
| 1. | 7/1/2020 | Kompt.10 Hutan Simpan Hulu | 3 | Sek.83 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |

| | | | | | | |
|----|------------|-------------------------------------|---|--|-----------------|---|
| | | Gombak | | | | |
| 2. | 09/01/2020 | Kompt. 14 Hutan Simpan Bukit Lagong | 2 | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 3. | 11/02/2020 | Hutan Simpan Hulu Gombak | 1 | Sek. 81(1)(e) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 4. | 23/04/2020 | Kompt.2 Hutan Simpan Kuala Bernam | 1 | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 5. | 23/04/2020 | Kompt.2 Hutan Simpan Kuala Bernam | 1 | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 6. | 23/04/2020 | Kompt.2 Hutan Simpan Kuala Bernam | 1 | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 7. | 23/04/2020 | Kompt.2 Hutan Simpan Kuala Bernam | 1 | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Pantai Klang | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 8. | 04/05/2020 | Hutan Simpan Sungai Buloh | 1 | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |
| 9. | 29/06/2020 | Kompt. 81, Hutan Simpan Hulu Langat | 1 | Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985 | Selangor Tengah | Dalam Siasatan Lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS |

Jawapan (b) :

- i) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) sentiasa komited dalam memastikan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) terus dipertahankan dan dipelihara bagi memastikan pengurusan sumber hutan secara berkekalan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. JPNS tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu ataupun pihak yang didapati telah melakukan kesalahan seperti menceroboh dan melakukan pembakaran di kawasan HSK yang mana pihak berkenaan akan dihukum sewajarnya mengikut mana-mana seksyen yang berkaitan seperti yang diperuntukkan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 dan Kaedah-Kaedah Hutan Selangor.
- ii) Bagi tujuan tersebut, JPNS telah melaksanakan kaedah pemantauan, kawalan dan penguatkuasaan hutan melalui pendekatan seperti berikut:

- **Rondaan Berkala**

JPNS menjalankan rondaan secara berkala di sepanjang sempadan luar dan dalam HSK. Rondaan bermotorsikal turut dijalankan bagi kawasan-kawasan yang sukar dihubungi dengan kenderaan pacuan empat roda. Tumpuan khusus sentiasa diberikan terhadap kawasan-kawasan yang berhampiran dengan penempatan dan aktiviti orang awam seperti di kawasan-kawasan pertanian yang berhampiran HSK.

- **Pemantauan melalui Imej Satelit**

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dengan kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) telah membangunkan sistem yang dikenali sebagai Sistem e-Geospatial Perhutanan (e-GP) dan 'Forest Monitoring Using Remote Sensing' (FMRS). Dalam sistem ini, pemantauan kawasan 'hot-spots' dan sebarang aktiviti pencerobohan hutan akan dikesan melalui perubahan imej satelit. Sistem ini berfungsi untuk memantau aktiviti hutan secara makro dan mikro secara cepat dan efisien dengan menggunakan imej satelit beresolusi tinggi dan terkini.

- **Drone**

JPNS turut tidak ketinggalan mengaplikasikan teknologi di dalam aspek penguatkuasaan hutan dengan menjalankan pemantauan udara dengan menggunakan drone dari jenis *Dji Phantom 4* untuk menjalankan pemantauan di dalam HSK.

- **Aduan Awam**

JPNS menerima maklumat daripada pelbagai sumber termasuklah media sosial seperti facebook, e-mel, telefon, surat dan lain-lain lagi bagi membantu pihak jabatan untuk membuat pengesanan awal aktiviti pencerobohan di HSK.

- **Papan Tanda HSK**

JPNS telah memasang papan tanda larangan memasuki HSK terutamanya di kawasan-kawasan yang berisiko berlaku kebakaran dan pencerobohan.

- **Penglibatan NGO dan Komuniti Tempatan.**

Penyertaan dan penglibatan masyarakat dalam program pemulihan hutan gambut telah dimulakan pada November 2008 dengan kerjasama JPNS, Global Environment Centre (GEC) dan Sahabat Hutan Gambut Selangor Utara (SHGSU). Dalam merealisasikan tujuan ini, semua pihak seharusnya memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi dan berintegriti.

- iii) Kepsatan pembangunan tanah di sekeliling kawasan HSK dan Hutan Paya Gambut khasnya merupakan satu cabaran kepada JPNS bagi memastikan integriti dan kelestarian hutan ini dapat dipertahankan untuk generasi akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PEMBANGUNAN USAHAWAN SAINS DAN TEKNOLOGI

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila butirkan usaha kerajaan negeri untuk menggalakkan dan membantu syarikat baru dan berinovasi (startups) dalam sektor sains dan teknologi di Negeri Selangor?
- b) Adakah kerajaan negeri membantu untuk mencari dan membangunkan bakat-bakat ini yang sekarang ada di Institusi Pengajian Tinggi?

JAWAPAN:

- a) Program Accelerator Selangor (SAP) telah dilaksanakan bermula tahun 2018 sehingga tahun 2020. Seramai 30 syarikat pemula (*startup*) telah dipilih untuk menyertai program latihan SAP selama empat bulan. Selain daripada itu, program Pitch@Selangor juga telah diadakan bagi memberi peluang kepada syarikat pemula ini untuk mempersembahkan idea dan modul perniagaan kepada kerajaan dan syarikat modal teroka (*Venture Capital Company*).
- b) Program (*startup*) ini adalah terbuka kepada mana – mana usahawan yang berminat untuk menyertai program ini. Pada masa ini tiada program khusus yang dilaksanakan untuk mencari dan membangunkan bakat – bakat yang ada di Institusi Pengajian Tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PERUMAHAN

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana kerajaan membantu belia untuk memiliki rumah pertama?
- b) Apakah penyelesaian Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi tawaran rumah mampu milik yang tidak mencukupi?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.Berhormat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa langkah bagi membantu golongan belia untuk memiliki rumah pertama melalui **pembelian unit rumah** melibatkan **Skim Rumah Selangorku, Skim Dana Sel, Skim Sewa Beli (Rent To Own) dan Skim Pembiayaan 'Smart Selangor First Home Buyers'** adalah seperti berikut:

(i) Skim Rumah Selangorku

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah melaksanakan penawaran Rumah Selangorku kepada orang awam kepada golongan berpendapatan atau kategori B40 terutamanya projek Rumah Selangorku Jenis A dan Jenis B berharga RM42,000.00 seunit dan RM 100,000.00 seunit.

(ii) Skim Dana Sel

Bagi kes golongan yang tidak layak mendapatkan pinjaman bank, Kerajaan Negeri telah menyediakan **Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel)** yang berkonsepkan sewa dan milik bagi membantu golongan ini membeli Rumah Selangorku Jenis A. Kerajaan Negeri melalui anak syarikat LPHS iaitu Perumahan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) menguruskan skim ini melalui kaedah pembiayaan yang merupakan satu bentuk penyewaan jangka panjang bagi membolehkan pemohon bertukar status daripada penyewa kepada pemilik rumah dalam tempoh yang telah dipersetujui dengan mematuhi semua terma-terma Perjanjian Penyewaan dan Pemilikan. Skim ini akan dipertimbangkan untuk diperluaskan lagi pada masa akan datang agar ianya dapat membantu lebih ramai golongan B40 untuk memiliki kediaman.

(iii) Skim Sewa Beli (Rent To Own)

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sedang mengadakan cadangan berkerjasama beberapa pihak bank bagi mewujudkan satu skim sewa beli atau dikenali juga sebagai '*Rent To Own*' khususnya untuk pembeli Rumah Selangorku di Negeri Selangor. Skim ini dapat membantu golongan B40 dan M40 yang berpendapatan isi rumah dibawah RM 10,000-00 sebulan untuk memiliki kediaman Mampu Milik atau Rumah Selangorku. Sehubungan dengan itu, perkara ini dalam proses rundingan dan perbincangan lanjut oleh Kerajaan Negeri bersama dengan pihak bank berkaitan sebelum kertas pertimbangan diangkat dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

(iv) Skim Pembiayaan '*Smart Selangor First Home Buyers*'

Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Skim Pembiayaan '*Smart Selangor First Home Buyers*' yang bertujuan memberikan pembiayaan wang pendahuluan (deposit) kepada golongan B40 dan M40 sebanyak 10% ke atas pembelian Rumah Selangorku khususnya pembangunan yang dimajukan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan projek anak syarikat PKNS sahaja. Kerajaan Negeri telah bersetuju menyediakan perunt Walaubagaimanapun, berdasarkan rekod jumlah penawaran yang telah berjaya ditawarkan Rumah Selangorku kepada belia berumur dari 40 tahun ke bawah adalah melebihi 90% yang telah layak ditawarkan Rumah Selangorku.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui LPHS turut bekerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam mewar-warkan modul pendidikan berkaitan perumahan di atas talian AKPK iaitu *RUMAHKU* untuk keperluan orang awam. Secara langsung, ianya membantu bakal pembeli rumah pertama untuk mendapatkan panduan dan maklumat yang berguna tentang pemilikan rumah sebelum pembelian dibuat. AKPK juga membantu mereka yang menghadapi masalah kegagalan mendapatkan pinjaman perumahan dengan melayari laman sesawang AKPK dibawah MyKNP bagi mengenalpasti punca dan masalah kegagalan pemohon mendapatkan pinjaman perumahan. Daripada itu, AKPK akan memberikan bantuan secara percuma dari segi penstrukturan semula pembiayaan / pinjaman pemohon sedia ada ke arah pengurusan kewangan yang lebih bijak dan stabil. Akhirnya, ianya dapat membantu pemohon untuk mendapatkan pembiayaan perumahan pada masa akan datang.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat prihatin malah menggalakkan setiap individu terutamanya golongan berpendapatan rendah atau B40 untuk memiliki rumah idaman mereka sesuai dengan slogan Kerajaan Negeri iaitu '*Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna*'. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa langkah agar projek Rumah Selangorku di beri keutamaan dan lebih banyak di bina bermula daripada peringkat dasar sehinggalah ke peringkat pemantauan pelaksanaan projek. Dari peringkat dasar, Kerajaan Negeri telah meluluskan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangorku (Rumah Selangorku 2.0) yang berkuatkuasa pemakaiannya mulai 2 April 2018 bertujuan memastikan Rumah Selangorku berada dan banyak di pasaran, setiap pembangunan perumahan berkeluasan melebihi 2 ekar dikenakan syarat penyediaan Rumah Selangorku mengikut zon- zon pembangunan. Penyediaan Rumah Selangorku ini disyaratkan kepada semua pemaju perumahan sama ada terdiri daripada pemaju swasta, kerajaan atau Anak Syarikat Kerajaan Negeri / Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan pembinaan Rumah Selangorku di bina dan berada di pasaran, Kerajaan Negeri sentiasa memantau pelaksanaan pembinaan Rumah Selangorku melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Selangorku Negeri Selangor. Sekiranya pihak pemaju tidak membina atau sengaja melambat-lambatkan pembinaan Rumah Selangorku, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan mengeluarkan 'stop work order' / tidak menyokong pengeluaran Sijil Perakuan dan Pematuhan (CCC) serta tidak meluluskan permohonan Kebenaran Merancang bagi pembangunan perumahan harga bebas atau lain-lain pembangunan sekiranya syarat tersebut tidak dilaksanakan. Pihak pemaju perlu membina Rumah Selangorku secara serentak atau bersekali dengan rumah harga bebas. Selain pemantuan pembinaan projek, Kerajaan Negeri juga menguatkuasakan pemantauan aktiviti pemasaran yang dibuat oleh pihak pemaju. Pihak pemaju perlu mempromosikan / menyebarkan projek-projek Rumah Selangorku yang dibina supaya diketahui oleh rakyat jelata bagi memudahkan bakal pembeli membuat semakan / memohon rumah tersebut. Dengan adanya langkah- langkah tersebut, ianya dapat memacu serta mencapai matlamat Kerajaan Negeri untuk merancang serta memperbanyakkan projek Rumah Selangorku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : LAMPU JALAN SEPANJANG JALAN JENDERAM KE BANGI

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek lampu jalan bagi jalan tersebut yang sehingga kini masih belum siap sepenuhnya?

- b) Apakah status peruntukan lampu-lampu jalan kepada PLB dari kementerian yang diluluskan khusus untuk kampung-kampung di Sungai Pelek?

JAWAPAN:

- a) Pemasangan lampu jalan tersebut adalah di bawah skop pemaju Vision Development. Pemaju telah di isytihar bankrap dan pemasangan lampu tersebut tidak sempurna dan masih belum diserahkan kepada Cawangan Kejuruteraan Elektrik, JKR Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

**TAJUK : MASALAH PEMBERIAN TANAH DI KAMPUNG KERETAPI BUKIT
BADONG**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pemberian tanah kepada peneroka-peneroka di Kampung Keretapi Bukit Badong ini akan diselesaikan?

JAWAPAN:

- a) Pihak Perbadanan Aset Keretapi (RAC) telah mengadakan perjumpaan bersama pihak penduduk di Kampung Keretapi, Bestari Jaya pada 5 Oktober 2019 dan telah memaklumkan bahawa setelah beberapa mesyuarat yang telah diadakan di antara pihak RAC dan Kerajaan Negeri, RAC tidak dapat mempertimbangkan pemberimilikan tanah kepada penduduk tempatan atas sebab-sebab berikut :-
- i. Tanah rizab keretapi telah dirizabkan untuk kegunaan operasi keretapi sahaja dan tidak terhenti daripada dirizabkan ;
 - ii. Tanah rizab keretapi adalah untuk tujuan kegunaan keretapi dan bukan tujuan penempatan ;
 - iii. Pembangunan sector keretapi negara berkembang pesat maka tanah rizab keretapi di Bukit Badong perlu dikekalkan bagi tujuan pembangunan pengangkutan keretapi pada masa hadapan ; dan
 - iv. Sekiranya pelepasan tanah tersebut dilaksanakan, pihak Kerajaan Persekutuan akan menanggung perbelanjaan yang tinggi untuk melaksanakan projek pembangunan perkeretapian di masa hadapan kerana ianya akan melibatkan kos pengambilan tanah di samping kos-kos lain.

Mesyuarat di antara RAC bersama mantan YBhg. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) telah memutuskan bahawa RAC tidak akan melepaskan tanah tersebut tetapi akan memberi penyewaan/pajakan kepada penduduk.

Pihak RAC juga telah memutuskan untuk tidak diberikan pemberimilikan kepada penduduk dan membenarkan sewaan kepada penduduk tempatan/setinggalan di Negeri Selangor dan negeri-negeri lain yang terlibat seperti di Negeri Pahang dan Kelantan. Kadar yang telah ditetapkan kepada penduduk setinggalan adalah dengan kadar nominal iaitu RM100 (sebulan) bergantung kepada jumlah pendapatan isi rumah.

Pihak RAC telah memberikan Borang Permohonan Penyewaan Tanah Berhakmilik/Rezab Kuarters, Gudang, Ruang di atas Tanah Keretapi kepada penduduk. Borang tersebut adalah seperti di Lampiran .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : PROJEK PENAIKTARAFAN SUNGAI KAYU ARA BAGI MENANGANI ISU
BANJIR DUN BANDAR UTAMA**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini tentang projek penaiktarafan di sungai kayu ara oleh pihak JPS Selangor?
- b) Sila laporkan secara terperinci tentang anggaran jangka masa dari sekarang sehingga projek ini dapat disempurnakan (e.g. anggaran masa pelantikan konsultan, permulaan projek, dan sebagainya).

JAWAPAN:

- a) Projek ini masih dalam peringkat lantikan perunding untuk semakan semula rekabentuk dan komponen-komponen tebatan banjir oleh JPS Malaysia.
- b) Anggaran Jangka Masa Bagi Pelaksanaan Projek ini adalah seperti berikut :

| 1) Peringkat Pelantikan Perunding Bagi Kerja-kerja Rekabentuk Terperinci | |
|---|-------------------------|
| - Mendapatkan kelulusan Pegawai Pengawal Bagi Lantikan Perunding | Ogos 2020 |
| - Memohon kelulusan Jawatankuasa Perkhidmatan Perunding 1. | September 2020 |
| - Mendapatkan Kelulusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) di peringkat kementerian. | Oktober – Disember 2020 |
| - Lantikan Perunding | Februari 2021 |
| - Tempoh rekabentuk | 6 bulan |
| 2) Peringkat Pelantikan Kontraktor Bagi Kerja Fizikal | |
| - Kerja-kerja Review rekabentuk Oleh Perunding yang Dilantik. | Februari ke Julai 2021 |
| - Makmal value Engineering/ Value Assesment | Julai – September 2021 |
| - Proses Penyediaan Dokumen Tender | Oktober – Disember 2021 |
| - Proses perolehan bagi Iklan dan Penilaian Tender – Januari | Mei 2022 |
| - Lantikan Kontraktor | Jun 2022 |
| - Kerja-kerja Pembinaan Projek | Jun 2022 – Jun 2024 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : FASILITI SUKAN

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah fasiliti sukan yang terdapat di Taman Templer ini akan dapat diselenggara sepenuhnya bagi kemudahan penduduk DUN Taman Templer

JAWAPAN:

| Bil | Jenis Fasiliti | Status |
|------------|---|--|
| 1 | Gelanggang Futsal – Bandar Baru Selayang Fasa 2B | Diselenggara oleh pihak Majlis. Syarikat Baiduri Resources Services merupakan kontraktor penyelenggaraan yang telah dilantik. Tempoh kontrak bermula 17 Februari 2020 hingga 31 Januari 2022. |
| 2 | Gelanggang Futsal – Kg. Selayang Pandang | Tidak diselenggara oleh Majlis kerana ianya terletak di bawah Projek Pembangunan Luar Bandar (PLB). |
| 3 | Gelanggang Futsal - Kg. Selayang Permai | Tidak diselenggara oleh Majlis kerana ianya terletak di bawah Projek Pembangunan Luar Bandar (PLB). |
| 4 | Gelanggang Futsal – Taman Selayang Mulia | Tidak diselenggara oleh Majlis kerana ianya terletak di bawah Projek Pembangunan Luar Bandar (PLB). |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PENAMBAHAN SEKOLAH DI KAWASAN DENGKIL

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Keperluan sekolah menengah di Dengkil adalah mendesak, khususnya di kawasan berkepadatan tinggi contohnya di Putra Perdana, Pekan Dengkil, dan Kota Warisan. Apakah penyelesaian proaktif Kerajaan Negeri bagi mengatasi kekurangan sekolah ini agar tidak meleret menjadi satu krisis?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Pendidikan Selangor mengambil maklum dan sedar keperluan mendesak bagi kawasan yang dinyatakan. Bagi kawasan Putra Perdana, Jabatan Pendidikan Selangor telah membida projek SMK Bukit Puchong bagi menyuraikan kepadatan murid di kawasan perumahan Putra Perdana untuk penyelesaian fasa 1 dalam RMK 12 (RP 1). Ini disebabkan pada ketika ini, di kawasan Putra Perdana tidak terdapat tanah/tapak yang diperuntukkan untuk pembinaan sekolah menengah. Jabatan Pendidikan Selangor telah mengenal pasti tiga tapak yang di peruntukkan untuk pembinaan sekolah di kawasan Putra Perdana dan kesemuanya adalah tapak untuk sekolah rendah (sk). Kepesatan pembangunan perumahan yang amat pantas tidak seiring dengan peruntukan budget pembangunan fizikal pendidikan KPM yang agak terhad. Walau bagaimanapun Jabatan Pendidikan Selangor sedang dalam proses menguruskan perolehan tanah bagi fasa kedua untuk membida pembinaan sekolah di Putra Perdana dan Kota Warisan.

Di kawasan Kota Warisan pula seperti sedia maklum, masih belum mempunyai sekolah menengah walaupun telah lebih dari 10 tahun pembukaan taman perumahan ini. JPN Selangor mendapat kerjasama daripada kerajaan Selangor bagi memudahkan proses perolehan tanah untuk pembinaan sekolah baharu. Selaras dengan perkembangan semasa, Jabatan Pendidikan Selangor telah membuat Pembidaan dalam RMK 12 (RP 1) bagi pembinaan SMK Kota Warisan dan ia menjadi fokus utama Jabatan Pendidikan Selangor disamping ia merupakan fasa pertama bagi penyuraian pelajar di SMK Dengkil. Selain itu, Jabatan Pendidikan Selangor juga dalam proses perolehan tanah pendidikan bagi perancangan pembinaan sekolah baharu di kawasan Dengkil untuk fasa penyuraian kedua iaitu setelah kawasan Kota Warisan siap memperolehi sekolah menengah.

Kelulusan budget projek pembinaan bagi pembidaan RMK12 adalah diluar bidang kuasa Jabatan ini. Kaedah alternatif jabatan ketika ini ialah menguruskan pengoperasian sekolah secara dua sesi dan memohon pembinaan bangunan tambahan sekiranya sekolah sediaada masih mempunyai ruang atau kawasan untuk menampung kepadatan pelajar.

Berikut senarai sekolah dan tapak di kawasan Taman Putra Perdana, Cyberjaya dan Dengkil

| | KAWASAN | SIAP DIBINA | | | TAPAK KOSONG | | |
|---|---------------------|----------------|------------------|----------------------|----------------|------------------|-------------------|
| | | Sekolah Rendah | Sekolah Menengah | Sekolah Rendah Agama | Sekolah Rendah | Sekolah Menengah | Sekolah Bersepadu |
| 1 | Taman Putra Perdana | 2 | 1 | 1 | 3 | - | - |
| 2 | Cyberjaya | 2 | 2 | - | 1 | 1 | 3 |
| 3 | Dengkil | 5 | 1 | 1 | - | - | - |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikan perincian status terkini pembangunan di kawasan hutan simpan ini.
- b) Bagaimanakah status penggantian hutan simpan ini?
- c) Adakah Kerajaan Negeri ada mendakwa mana-mana pihak yang merosakkan hutan ini?

JAWAPAN:

- a) HSK Kuala Langat Utara telah diwartakan pada 13 Mei 1927 dengan keluasan asal berjumlah $\pm 7,246.96$ ha. Kini keluasan HSK Kuala Langat Utara adalah berjumlah ± 957.63 ha dan dikelilingi oleh pelbagai pembangunan guna tanah seperti perumahan Saujana Putra, Lebuhraya ELITE, perkampungan orang asli, aktiviti pertanian sawit, Ladang Boh Bukit Cheeding dan pembangunan bercampur Gamuda Cove

Tidak dinafikan bahawa pelbagai aktiviti pembangunan guna tanah yang pesat di sekeliling hutan ini menjadi antara faktor ancaman ke atas hutan ini. Di samping itu, sebahagian kawasan HSK Kuala Langat Utara ini juga bakal dibangunkan untuk Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melibatkan seluas ± 9.6 ha @ ± 3.2 km. Projek ini adalah merupakan projek Kerajaan Persekutuan dan mempunyai kepentingan yang tinggi untuk manfaat awam.

Berdasarkan kepada keputusan Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke-30/2019 bertarikh 16 Oktober 2019, seluas ± 931.17 ha @ $\pm 2,300$ ekar kawasan HSK Kuala Langat Utara ini telah diluluskan untuk pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965. Walau bagaimanapun, sebelum proses pemberimilikan tanah ini diteruskan, syarat-syarat penyahwartaan HSK telah dikenakan untuk dipatuhi sepenuhnya oleh pemohon. Antara syarat-syarat yang telah dikenakan adalah melaksanakan Kaedah Penyiasatan Awam, penggantian

kawasan HSK yang setara dan/atau lebih luas saiznya, proses pengeluaran dan penggantian HSK berlaku secara serentak, pengenaan bayaran pampasan gantirugi ke atas kehilangan manfaat hutan dan lain-lain syarat.

Merujuk kepada Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014, proses penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara masih berada di peringkat awal di mana bantahan-bantahan awam secara bertulis yang telah diterima oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selama tempoh 30 hari bermula 05 Februari 2020 telah dianalisis pada 12 – 13 Mac 2020. Seterusnya, satu sesi pendengaran awam (*Town Hall Session*) akan diadakan bagi tujuan mendapatkan bantahan secara lisan mengenai cadangan penyahwartaan hutan simpan tersebut.

Sepanjang proses penyahwartaan ini, segala bantahan akan diteliti dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awam yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna terlebih dahulu. Seterusnya, satu Kertas Kerja akan diangkat untuk pertimbangan Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

- b) Merujuk kepada keputusan MMKN Ke-7/2020 melalui Kertas MMK No. 31/6/2020 telah meluluskan cadangan pembatalan Hutan Simpan Kuala Langat Utara dengan penggantian di kawasan seperti berikut:-
1. PT 4182 Mukim Sungai Panjang Daerah Sabak Bernam (Cadangan nama Hutan Simpan Sungai Panjang) seluas 308.62 hektar (762.295 ekar).
 2. Mukim Sungai Panjang 2, Daerah Sabak Bernam (Cadangan nama Hutan Simpan Sabak Bernam) 606.88 hektar (1,499 ekar).
 3. Mukim Sungai Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor (Cadangan nama Hutan Simpan Taman Alam Kuala Selangor) seluas 261.81 hektar (646.9 ekar).
- c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) sentiasa komited dalam memastikan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Kuala Langat Utara terus dipertahankan dan dipelihara bagi memastikan pengurusan sumber hutan secara berkekalan khususnya di HSK Kuala Langat Utara dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. JPNS tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu ataupun pihak yang didapati telah melakukan kesalahan seperti menceroboh kawasan HSK Kuala Langat Utara yang mana pihak berkenaan akan dihukum sewajarnya mengikut mana-mana seksyen yang

berkaitan seperti yang diperuntukkan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 dan Kaedah-Kaedah Hutan Selangor. Dari tahun 2015 hingga tahun 2020, terdapat lima (5) kes kesalahan hutan yang telah berjaya dikesan oleh JPNS melibatkan kesalahan pencerobohan hutan. Berikut merupakan kes kesalahan hutan yang telah direkodkan dan diambil tindakan selanjutnya oleh JPNS dari tahun 2015 – 2020 adalah seperti berikut :

Rekod Kes Kesalahan Hutan Dari Tahun 2015 – 2020

| Bil. | Tarikh | Kesalahan | Lokasi | OKT | Keputusan |
|------|------------|--|--|--|--|
| 1. | 23.02.2018 | Pembinaan billboard dalam HSK (Sek.32(1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985) | Kompt. 7 Hutan Simpan Kuala Langat Utara | Semasa serbuan yang dijalankan, tiada menemui sebarang saspek yang berada di lokasi kejadian. | Masih dalam siasatan lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS oleh kerana pemilik billboard masih tidak dapat dikesan untuk hadir bagi memberikan keterangan berkaitan kes berkenaan. |
| 2. | 27.02.2018 | Pembinaan billboard dalam HSK (Sek.32(1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985) | Kompt. 7 Hutan Simpan Kuala Langat Utara | Semasa serbuan yang dijalankan, tiada menemui sebarang saspek yang berada di lokasi kejadian. | Masih dalam siasatan lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS oleh kerana pemilik billboard masih tidak dapat dikesan untuk hadir bagi memberikan keterangan berkaitan kes berkenaan.. |
| 3. | 16.07.2018 | Pembinaan billboard dalam HSK (Sek.32(1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985) | Kompt. 7 Hutan Simpan Kuala Langat Utara | 1) Mohammad Asraf 2) Alim Dewan 3) Md Rajib Hawlader 4) Md Halim Dewan 5) Yap Jun Lung | Kesemua OKT didapati telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 32 (1) dan telah dikenakan hukuman kompaun sebanyak RM10,000. |

| | | | | | |
|----|------------|--|--|---|---|
| 4. | 05.09.2018 | Pembinaan billboard dalam HSK (Sek.32(1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985) | Kompt. 8 Hutan Simpan Kuala Langat Utara | <ul style="list-style-type: none"> 1) Mohammad Fikri Bin Abdul Raza 2) Mohamad Hazeem Bin Mohamad Omar 3) Mohd Zaini Bin Md Zubir 4) Muhammad Naim Bin Mad Nordin | Masih dalam siasatan lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS oleh kerana pemilik billboard masih tidak dapat dikesan untuk hadir bagi memberikan keterangan berkaitan kes berkenaan. |
| 5. | 06.02.2019 | Pembinaan billboard dalam HSK (Sek.32(1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985) | Kompt. 8 Hutan Simpan Kuala Langat Utara | Prisma Outdoor Sdn Bhd | Masih dalam siasatan lanjut oleh Pegawai Penyiasat JPNS oleh kerana pemilik billboard masih tidak dapat dikesan untuk hadir bagi memberikan keterangan berkaitan kes berkenaan. |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : DASAR KELULUSAN 100 HARI

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak kelulusan yang telah diberikan dalam bidang perniagaan dan pelaburan melalui dasar yang diperkenalkan ini?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : FOOD TRUCK

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah PBT telah bersedia menyediakan lebih banyak lokasi lagi untuk penempatan *food truck* di DUN Sentosa?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini tiada penempatan khas bagi *food truck* di DUN Sentosa. Walaubagaimanapun Majlis Perbandaran Klang komited untuk mengenalpasti dan menyediakan penempatan *food truck* di DUN Sentosa dengan kerjasama ADUN kawasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KEBAJIKAN IBU TUNGGAL

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah ibu tunggal yang direkodkan dalam Negeri Selangor? Mohon bekalkan 3 DUN yang mempunyai bilangan ibu tunggal yang tertinggi.
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membantu meringankan beban ibu tunggal pasca Covid-19?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan laporan terkini jumlah ibu tunggal yang ada di Negeri Selangor, sehingga 9 Julai 2020, pihak Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) telah merekodkan pendaftaran seramai 19,161 orang ibu tunggal di bawah Sistem Pendaftaran Ibu Tunggal.

Tiga DUN di Selangor yang mencatatkan jumlah ibu tunggal yang tertinggi adalah DUN Sungai Tua yang mencatatkan jumlah ibu tunggal berjumlah 744 orang, diikuti DUN Selat Klang seramai 720 orang dan DUN Batang Kali seramai 691 orang ibu tunggal. Namun demikian, angka tersebut tidak mewakili jumlah sebenar keseluruhan ibu tunggal yang ada di Selangor memandangkan laporan tersebut tidak melaporkan status/ taraf perkahwinan terkini seseorang ibu tunggal yang berdaftar itu.

Manakala, tiada jumlah ibu tunggal direkodkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Selangor berikutan tiada sistem pendaftaran ibu tunggal yang khusus bagi mengumpul data ibu tunggal tersebut.

- b) Kerajaan Negeri menghargai peranan wanita dan sentiasa prihatin akan kebajikan dan keperluan golongan wanita keseluruhannya termasuklah ibu tunggal terutama dalam mendepani pasca Covid-19 golongan ini.

Pelbagai program dan inisiatif Kerajaan Negeri terutama program-program di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) telah tersedia untuk dimanfaatkan sebagai medium permohonan bantuan dan sokongan kepada rakyat yang memenuhi

syarat kelayakan yang ditetapkan sama ada melalui program-program kesihatan, pendidikan, perniagaan dan perusahaan mahupun bantuan kepada anak-anak.

Kerajaan Negeri turut mengambil inisiatif dalam menambahbaik pelaksanaan program Kasih Ibu *Smart* Selangor (KISS) sedia ada untuk dimanfaatkan golongan ibu tunggal melalui program KISS Ibu Tunggal (KISSIT) secara dalam talian (*online*) untuk dipohon oleh mereka yang berkelayakan.

Selain itu, golongan ibu tunggal yang memenuhi syarat kelayakan juga boleh memohon untuk mendapatkan Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM300 secara *one-off* selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2020 dengan mengisi lengkap borang permohonan dan dihantar ke Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR
(N32 SERI SETIA)**

TAJUK : BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB/MC)

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah proses penyerahan oleh pemaju kepada pihak PBT dan apakah tindakan yang diambil oleh PBT terhadap pemaju yang bermasalah sehingga berpuluh tahun gagal menyerahkan kepada pihak PBT sehingga memberi kesan kepada pemilik/pembeli?

JAWAPAN:

- a) Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2015 telah mewajibkan semua pemaju untuk menubuhkan Badan Pengurusan Bersama atau Joint Management Body (JMB) di semua bangunan bertingkat yang tertakluk di bawah Akta Hakmilik Strata. Setiap pemaju akan menubuhkan JMB di pangsapuri yang telah dibina oleh mereka sebelum ini bersama-sama dengan penduduk di bangunan terbabit. Bagi pangsapuri yang telah menerima kunci kediaman dan belum menerima hakmilik strata, pemaju hendaklah menubuhkan JMB dalam tempoh 12 bulan atau dari tarikh mengambil kunci rumah kediaman.

Tempoh pengurusan pemaju adalah berakhir apabila JMB ditubuhkan. Pemaju berkewajipan untuk membuat penyerahan pengurusan kepada JMB yang diperuntukkan di bawah Seksyen 15 dengan menyerahkan Borang 4 kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai semakan berkenaan penyerahan pengurusan dilakukan dengan teratur.

Justeru itu, Seksyen 15 telah memperincikan secara khusus tatacara penyerahan oleh pemaju kepada badan pengurusan bersama iaitu:-

15(1) Pemaju hendaklah sebelum habis tempoh pengurusan pemaju-

- (a) Memindahkan semua baki wang dalam akaun penyenggaraan dan akaun kumpulan wang penjelas, selepas pembayaran semua perbelanjaan yang telah dipertanggungjawabkan pada akaun itu dengan sepatutnya, kepada JMB;
- (b) menyerahkan kepada badan pengurusan bersama -
- (i) pejabat pentadbiran yang ditubuhkan oleh pemaju;

- (ii) akaun teraudit bagi akaun penyenggaraan dan akaun kumpulan wang penjelas atau, jika akaun itu belum diaudit, akaun yang belum diaudit itu;
- (iii) semua aset bagi kawasan pemajuan itu;
- (iv) semua rekod yang berhubungan dengan dan perlu bagi penyenggaraan dan pengurusan bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak dan harta bersama bagi kawasan pemajuan itu; dan
- (v) semua invoice, resit dan baucer pembayaran berkenaan dengan akaun penyenggaraan dan akaun kumpulan wang penjelas.

Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) di bawah seksyen 18(2) jelas menyatakan bahawa kegagalan pemaju mengadakan mesyuarat agung tahunan pertama apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Seterusnya, COB boleh melantik mana-mana orang untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan pertama di bawah Seksyen 18(5) jika pemaju gagal mengadakan mesyuarat agung tahunan pertama bagi badan pengurusan bersama dalam tempoh yang ditetapkan, dan pemaju hendak menanggung semua kos yang terlibat bagi tujuan penubuhan JMB. Walau bagaimanapun, COB sukar mengambil tindakan kepada pemaju-pemaju yang digulungkan kerana melibatkan kos dan permasalahan dokumentasi sebelum mengadakan mesyuarat agung tahunan pertama.

Seksyen 86 akta ini juga pihak COB di Pihak Berkuasa Tempatan ada yang menggunakan kuasa mereka untuk melantik ejen pengurusan untuk mengambilalih penyenggaraan dan pengurusan pangsapuri yang bermasalah di kawasan mereka. Namun demikian, kuasa tersebut tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya berikutan tiada ejen pengurusan yang berminat untuk menguruskan bangunan terutama jenis kos rendah kerana melibatkan kos penyenggaraan yang tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : LOJI RAWATAN AIR RASAU PHASE 1

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan status pembangunan Loji Rawatan Air Rasau Phase 1.
- b) Adakah status kini mengikut jadual pembangunan yang dirancang?
- c) Sila bekalkan Gantt Chart LRA Rasau Phase 1.

JAWAPAN:

- a) Pembangunan Loji Rawatan Air Rasau Fasa 1 kini masih di peringkat kajian kebolehlaksanaan ("*feasibility study*") oleh jurutera perunding yang dilantik oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor.
- b) Pembangunan LRA Rasau Fasa 1 masih mengikut jadual, iaitu di peringkat kajian kebolehlaksanaan ("*feasibility study*") dan kajian ini dijadualkan akan siap pada penghujung tahun 2020.
- c) Air Selangor baru sahaja mengemukakan pelan perniagaan yang baru dipinda akibat pandemik COVID-19 kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk kelulusan. Setelah pelan perniagaan ini diluluskan oleh SPAN dan kajian kebolehlaksanaan siap sepenuhnya, barulah Air Selangor akan membuat perancangan terperinci untuk Pembangunan Loji Rawatan Air Rasau Fasa 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : COVID-19

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status permohonan orang awam untuk mendapatkan bantuan khas JKM yang dibekukan kerana PKP COVID-19? Bilakah permohonan tersebut akan diproses balik?

JAWAPAN:

- a) Status permohonan bantuan orang awam bagi mendapatkan bantuan semasa PKP daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak dibekukan. Permohonan masih boleh di buat oleh orang awam secara atas talian melalui sistem e-Bantuan. Permohonan bantuan secara manual telah mula diproses mulai 13 Mei 2020 selepas Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : BAS SMART SELANGOR DI LUAR BANDAR

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan berminat untuk membuat kajian untuk menggunakan Bas Smart Selangor yang lebih kecil memandangkan dilihat kadar penumpang yang agak kurang?
- b) Ini dapat mengurangkan kos penyelenggaraan dan dapat meliputi kawasan yang lebih kecil dan padat.

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Penggunaan bas yang lebih kecil bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor sedang dikaji dan diperhalusi kesesuaiannya bagi mengoptimumkan penggunaan bas di kawasan-kawasan tertentu untuk mempertingkatkan liputan laluan, kapasiti serta kesalinghubungan di antara kawasan bandar dan luar bandar. Pada masa ini, Majlis Perbandaran Sepang telah memulakan perkhidmatan bas *coaster* sebagai percubaan bagi laluan sedia ada iaitu SPG 3 dan SPG 4 yang bermula pada Januari 2020 melibatkan laluan kawasan kampung dengan faktor fizikal jalan yang kecil. Penggunaan bas ini menerima jumlah penumpang sebanyak 4,651 orang bagi tempoh Januari 2020 hingga Mac 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat, penyelenggaraan Bas Smart Selangor telah termasuk di dalam kos penyewaan bas dan kos penyelenggaraan dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada syarikat operator yang dilantik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : ICT SELANGOR

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kemudahan infrastruktur yang telah disediakan di kawasan Orang Asli?
- b) Senaraikan kemudahan infrastruktur sedia ada yang telah dibina di kawasan Orang Asli mengikut pecahan daerah?

JAWAPAN:

- a) Antara infrastruktur ICT yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor di Kawasan Orang Asli ialah menara telekomunikasi. Kemudahan ini telah memberi banyak manfaat dan kepentingan kepada masyarakat Orang Asli khususnya di Kampung Orang Asli Bukit Baja Daerah Sepang, Kampung Orang Asli di Gerachi dan di Pertak Daerah Hulu Selangor.
- b) Senarai kemudahan infrastruktur yang telah dibina di Kawasan Orang Asli mengikut pecahan daerah.

| Daerah | Bilangan menara telekomunikasi |
|---------------|--------------------------------|
| Sepang | 1 |
| Hulu Selangor | 1 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN YAYASAN SELANGOR

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi kewangan Yayasan Selangor dari tahun 2015 hingga kini.
- b) Apakah langkah yang diambil oleh Yayasan Selangor untuk meningkatkan prestasi kewangannya?

JAWAPAN:

a)

| PERKARA | Mac 20 RM juta | 2019 RM juta | 2018 RM juta | 2017 RM juta | 2016 RM juta | 2015 RM juta |
|---|---------------------------|-------------------------|-------------------------|-------------------------|-------------------------|-------------------------|
| JUMLAH PENDAPATAN | 5.46 | 17.10 | 29.82 | 30.52 | 28.95 | 24.38 |
| JUMLAH PERBELANJAAN OPERASI | (6.43) | (27.68) | (32.83) | (28.27) | (40.65) | (34.77) |
| PENDAPATAN SEBELUM PELUPUSAN, SUSUT NILAI, PELUNASAN | (0.97) | (10.58) | (3.01) | 2.25 | (11.70) | (10.39) |
| PERBELANJAAN PELUPUSAN, SUSUT NILAI, PELUNASAN | (4.21) | (14.60) | (15.96) | (16.90) | (17.34) | (15.96) |
| LEBIHAN/DEFISIT PENDAPATAN | (5.18) | (25.18) | (18.97) | (14.65) | (29.04) | (26.35) |

- b) Pengurusan Yayasan Selangor telah membentangkan kerangka tindakan strategi pada mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah bertarikh 19 Disember 2019 dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah telah meluluskan kerangka tindakan strategi termasuk pengawalan kemampuan kewangan yang lebih ketat. Pengawalan kemampuan kewangan meliputi proses penambahbaikan operasi serta prosedur kendalian standard jabatan untuk membantu mencorak arah tuju pembangunan tanah dan hartanah Yayasan Selangor serta memastikan pulangan yang optimum untuk pembangunan pendidikan Negeri Selangor.